



MAHA 2022
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



PRODUK PENYELIDIKAN

Universiti Putra Malaysia
WWW.SCIENCEPARK.UPM.EDU.MY

 UniPutraMalaysia  @uputramalaysia  uniputramalaysia  Putra TV  uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my

TERNAKAN

FS FEED



FS Feed adalah makanan mikro yang berkhasiat dan disesuaikan berdasarkan keperluan larva (anak) ikan dan udang. Ia mempunyai pelbagai saiz dari 150 mikron hingga 500 mikron yang sesuai untuk pelbagai saiz mulut ikan dan udang pada peringkat awal. FS feed disyorkan kepada semua larva ikan air tawar, larva ikan marin, dan udang kerana ianya berjaya diuji pada ikan seperti ikan kap, ikan keli, ikan siakap, dan lain-lain. Inovasi penggantian makanan hidup dalam industri akuakultur ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan makanan hidup seperti Artemia dari segi kadar kelangsungan hidup larva.



TM 2019041601

TERNAKAN

PROF. MADYA DR. YUZINE ESA



Putra Red Tilapia

Putra Red Tilapia dihasilkan melalui pembiakan silang di antara GIFT tilapia berjantina betina dan tilapia hibrid merah jantina jantan untuk menghasilkan baka tilapia yang baru. Putra Red Tilapia mempunyai badan berwarna merah yang menjadi pilihan penggemar ikan di rantau ini. Putra Red Tilapia turut mewarisi ciri-ciri unggul dari GIFT baka induk seperti prestasi pertumbuhan yang lebih cepat.

TM 2016071009

02.





TERNAKAN

TropiCarp Aquafeeds

Makanan ikan kelah TropiCarp adalah hasil kajian penyelidikan UPM. Makanan khas ikan kelah ini telah terbukti keberkesanannya apabila melalui tahap ujian di makmal dan juga di kolam ternakan ikan kelah seluruh Malaysia. Ia dapat mempertingkatkan dan mengurangkan masa pembesaran ikan kelah daripada 3-5 tahun kepada satu tahun setengah tahun untuk mencapai berat ikan 1kg.

Hasil penyelidikan selama 10 tahun ini terbukti mempunyai kelebihan NUTRIEN keperluan yang mencukupi membantu tumbesaran dan kecantikan sisik ikan. Makanan ini juga sesuai bagi spesies ikan sungai di Malaysia antaranya ialah Tengas, Kejor, Jelawat, Sebarau, Lampam dan Kerai. Dari saiz 2 inci ke 1kg saiz ikan hanya memerlukan maksimum satu tahun setengah sahaja untuk pembesaran. Antara kebaikan lain makanan ini ialah ia tidak mengotorkan air di dalam tangki atau akuarium.



TM 2018002736

TERNAKAN



Porcine Rapid Amplification Kit

Pengesanan pantas spesies haiwan yang tidak halal dimakan merupakan salah satu bidang fokus utama dalam sekuriti makanan. Kit pengesanan DNA babi ini menggunakan tindak balas amplifikasi pada satu suhu oleh beberapa oligonukleotida. Hasil amplifikasi boleh dilihat melalui perubahan warna. Amplikasi juga boleh dipantau dengan menggunakan mesin yang mengukur jumlah pendarflour yang terhasil.

Hanya 1 jam diperlukan untuk mengesan kehadiran DNA babi menggunakan kit ini. Ia juga sangat sensitif di mana ia dapat mengesan DNA babi pada kepekatan yang rendah. Aplikasi kit ini juga telah diuji pada produk berasaskan gelatin, serbuk minuman, ubat-ubatan, dan produk berasaskan daging.

PI 2017702029



Kit Components	10 tests
Components	140 µl
Mix	1 µl
	1 µl
	3 µl

TANAMAN

BioPellens

Biopellens merupakan sejenis baja organik daripada sisa pertanian dan penternakan yang dihasilkan melalui proses pengkomposan. Baja ini bersifat mesra alam sekitar berbanding baja kimia. Ia dapat mengelakkan jangkitan tanaman akibat penggunaan baja organik yang tidak matang.

TM 2017009712

TANAMAN

PadiU Putra


PadiU Putra merupakan varieti padi yang berhasil tinggi serta rintang penyakit karah. Varieti ini telah dihasilkan melalui teknologi bantuan penanda molekul kacuk balik, iaitu hasil kacukan antara varieti MR219, yang berhasil tinggi tetapi rentan penyakit karah dengan varieti Pongsu Seribu 1 yang rintang penyakit. Varieti yang rintang penyakit karah ini dengan potensi hasil tinggi dapat membantu petani mengatasi masalah penurunan hasil akibat serangan penyakit utama padi.

Dengan penggunaan varieti baharu ini, petani dapat mengurangkan penggunaan racun kulat serta membantu dalam pengurangan pencemaran alam sekitar serta dapat mengurangkan kos pengeluaran padi.

PROF. DR. MOHD RAFII YUSOP



TM 2017051323



TANAMAN





System of Rice Intensification (SRI) Single Seedling Nursery Tray

System of Rice Intensification (SRI) Single Seedling Nursery Tray telah dibangunkan khusus untuk penanaman padi. Fokus utama teknologi ini dibangunkan adalah untuk merevolusikan penanaman padi dengan menjadikannya lebih cekap, efisien dan berkesan, di samping mengurangkan kos serta menyumbang kepada peningkatan hasil padi sekali gus memaksimumkan pendapatan petani berskala kecil.

Sistem ini dicipta untuk menyediakan lubang berasingan khusus untuk penanaman, berfungsi dengan asas gelongsor dan mencegah berlakunya kes kusut akar.

Ia juga dapat mengurangkan kadar ketidakberhasilan benih, dan mengurangkan pembaziran benih sehingga 90%. Teknologi ini mengamalkan teknik yang mudah dan inovatif sebagai cara terbaik untuk menanam anak benih padi secara individu, mudah untuk menghasilkan kualiti padi yang lebih sihat dan akar yang dipisahkan dengan lebih jauh.

PI 2013700745



TANAMAN

Harvast™ Photosynthesis Enhancer

Fotosintesis adalah proses di mana tumbuhan hijau menggunakan tenaga cahaya untuk menukar air dan karbon dioksida menjadi oksigen dan gula untuk pertumbuhan. Walau bagaimanapun, proses fotosintesis mempunyai kelemahan iaitu 2-4% daripada tenaga yang ada dalam cahaya dapat ditukar kepada pertumbuhan tumbuhan baru. Dengan adanya CQD yang tidak toksik dan ditawarkan dengan harga yang murah, ia meningkatkan kecekapan proses fotosintesis. Harvast™ mengandungi CQD dan apabila ia digunakan pada daun, saiznya yang kecil membolehkan ia meresap ke dalam daun dan berinteraksi dengan kloroplas. Oleh kerana sifat unik fotoluminescent, CQD dapat membantu dalam mekanisme pemindahan elektron semasa proses fotosintesis.

PI 2016703467

08.



HARVAST™
Photosynthesis Enhancer
 ✓ Increases Plant Growth Rate
 ✓ Boost Plant Yield
 ✓ Shortens Plant Cycle

Application: Spray on plant leaves. Once or twice a week. Shake well before use.

Manufactured by: Qarbotech Sdn. Bhd.
<https://www.qarbotech.com>
 Email: enquiry@qarbotech.com
 Advanced Agriculture Solutions



TANAMAN

SoilProp: Soil Properties Mapping System

DR. EZRIN MOHD HUSIN



SoilProp adalah sistem berasaskan aplikasi yang dapat menghasilkan peta kesuburan tanah secara masa nyata dan dapat dipaparkan pada skrin komputer yang dipasang pada jentera.

Sistem ini mampu membantu petani untuk mengenalpasti tahap kesuburan tanah dan baja yang bersesuaian untuk pengurusan pertanian secara berkesan. Sistem ini juga telah terbukti dapat menjimatkan kos pembajaan sehingga 50%.

COPYRIGHT 20110503

TANAMAN

Milagro Matado

TS. DR. NORHAYU ASIB



Milagro Matado merupakan produk penghalau serangga organik yang mengandung bahan bioaktif hasil ekstrak tumbuhan iaitu bawang putih (Allicin) dan semambu (Azadirachtin). Produk ini membantu menghalau serangga perosak dan mengganggu sistem pencernaan serangga perosak sehingga boleh menyebabkan kematian pada serangga tersebut.



PI 2021002993

TEKNOLOGI MAKANAN

PROF. MADYA CHM. DR. SITI SALWA ABD GANI

Kopi Rajawali



Kopi Rajawali merupakan satu inovasi pengoptimuman sebatian bioaktif dalam biji kurma, yang biasanya dibuang sebagai produk pertanian yang tidak digunakan kepada minuman yang sihat. Kopi biji kurma adalah produk unik dengan rasa dan aroma yang enak setanding dengan kopi terkenal lain di pasaran.

Kopi Rajawali dihasilkan daripada 100% biji kurma yang berkualiti. Kopi biji kurma adalah kopi tanpa kafein yang hebat dan semulajadi serta mengandungi beberapa manfaat kesihatan. Produk ini boleh didapati dalam bentuk serbuk untuk dibancuh. Ia juga tanpa sebarang bahan tambahan, pengawet atau bahan kimia tiruan. Kopi Rajawali adalah minuman yang lazat, tidak berasid, penggalak tenaga dan minuman berkhasiat.

PI 2019006802

TEKNOLOGI MAKANAN

DR. AHMAD HANIFF JAAFAR

Super Cosmos

Projek Cosmos mengkomersialkan hasil penyelidikan Ulam Raja yang dijalankan di UPM. Pelbagai produk berasaskan Ulam Raja yang terbukti berkesan dan selamat telah berjaya dihasilkan di antaranya teh, ais krim, perisa makanan serta supplemen kesihatan. Produk yang dihasilkan mampu berdaya saing serta mendapat permintaan yang baik sama ada untuk pasaran domestik mahupun antarabangsa.

Produk ini jelas mempunyai potensi yang sangat besar dan sesuai untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan yang baharu kepada negara.

PI 2015701311



TEKNOLOGI MAKANAN

ALLAHYARHAMAH DR. MAZNAH ISMAIL


Orygold

UPM telah membangunkan satu teknologi yang mampu meningkatkan kandungan antioksidan dan nutrisi di dalam beras perang sehingga 2 kali ganda. Produk ini di namakan ORYGOLD.

Syarikat Germibrans Sdn Bhd selaku pengeluar dan pengilang telah menghasilkan formulasi ORYGOLD dalam bentuk minuman kesihatan premium, yang antaranya adalah untuk mengimbangi dan menurunkan paras kolesterol badan.

Mengapa ORYGOLD ada kemampuan ini ? Ini adalah kerana ORYGOLD mengandungi antioksidan yang unik iaitu GaBA dan Oryzanol.

PI 20064528



TEKNOLOGI MAKANAN

DR. NUR 'ALIAA ABDUL RAHMAN

Appetit Ice Cream

Aiskrim Appetit Village merupakan salah satu inovasi UPM di mana ia mempunyai tekstur yang lembut, mempunyai rasa yang berkrim, dan tidak terlampau manis. Dihasilkan dalam pelbagai perisa dan yang paling istimewa adalah perisa durian.

UI 2018003050





PUTRA SCIENCE PARK

Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-97691849 | Fax: 03-89464121 | Emel: promosi@upm.edu.my

 UniPutraMalaysia

 @uputramalaysia

 uniputramalaysia

 Putra TV

 uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE